

'Saya tak sangka dapat 10 A'

TELOK DATOK - "Tak sangka dapat 10 A, sebab masa percubaan dapat 3A je..." demikian luahan salah seorang pelajar cemerlang dari Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Datok selepas menerima slip keputusan PT3, semalam.

Nurhidayah Aslari Effendy, 15, dari Kanchong Darat menjangkakan hanya dapat 4 atau 5 A sahaja tapi terkejut bila melihat slip keputusan sebelum menunjukkan kepada ibunya, Rakiah Ali, 49, yang turut hadir.

Menurutnya, sebelum keputusan keluar Hidayah sering kali beritahu ibunya yang dia mungkin dapat empat atau lima A sahaja kerana kebanyakan soalan agak sukar.

"Tapi mak tak cakap apa-apa, cuma cacap doa banyak-banyak."

"Saya pun tak adalah harap sangat tapi memang saya belajar hari-hari dan solat hajat untuk lebih rasa yakin berdepan dengan keputusan PT3," katanya kepada Sinar Harian semalam selepas menerima ucapan tahniah daripada Pengetua sekolahnya.

Anak ketiga dari enam beradik itu berhasrat menjadi pelajar pintar dan berjaya supaya dapat membantu bapanya yang hanya berniaga kain untuk menyara kehidupan keluarga.

Sementara ibunya, Rakiah mengucapkan terima kasih kepada guru-guru yang telah mendidik anaknya.

"Makcik gembira sangat sebab anak cemerlang. Alhamdulillah... terima kasih kepada semua cikgu di sekolah," katanya.



Hidayah bersama ibunya, Rakiah (empat, kanan) menunjukkan slip keputusan PT3 kepada Pengetua SMK Telok Datok Soaidah Duriat (dua, kanan) dan sebahagian gurunya.